

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

## HELAIAN PENERANGAN PRODUK



(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing / Foreign Worker Hospitalization and Surgical Scheme (SKHPPA). Be sure to also read the general terms and conditions.)

(Baca Helaiian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing / Foreign Worker Hospitalization and Surgical Scheme (SKHPPA). Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

### SKIM KEMASUKAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN PEKERJA ASING / FOREIGN WORKERS HOSPITALISATION AND SURGICAL SCHEME (SKHPPA)

Date / Tarikh :

#### 1. What is this product about?

##### Apakah ciri-ciri produk ini?

\* Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing / Foreign Worker Hospitalization and Surgical Scheme (SKHPPA) is a yearly renewable hospital and surgical takaful scheme designed to reduce the financial burden of the employers of foreign workers in the event of hospital admission of their foreign workers to a non-corporatised Malaysian Government Hospital due to an accident or illness.

*Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing / Foreign Worker Hospitalization and Surgical Scheme (SKHPPA) adalah skim takaful kemasukan hospital dan pembedahan yang diperbaharui setiap tahun bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pihak majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing tersebut dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat disebabkan oleh kemalangan atau penyakit.*

#### 2. What are the Shariah concepts applicable?

##### Apakah konsep Syariah yang digunakan?

\* This plan applies a Mudharabah (Trustee Profit Sharing) Contract.

*Pelan ini menggunakan Perjanjian Mudharabah (Perkongsi Untung).*

\* Contribution will be credited to the Group Family Takaful Account ("GFTA") as tabarru' (donation) which will be used to help other covered persons in times of misfortunes.

*Caruman akan dikreditkan ke dalam Akaun Takaful Keluarga Berkelompok ("GFTA") sebagai tabarru' (derma) yang akan digunakan untuk membantu orang lain yang dilindungi ketika ditimpa musibah.*

\* The surplus arising from the GFTA, if any, shall be shared annually between the certificate owner/covered persons and the Company in proportions of 40% to the certificate owner/covered persons and 60% to the Company, provided that the covered persons have not made any claims and/or received any benefits during the current certificate year.

*Sebarang lebihan dari GFTA, sekiranya ada, akan diagihkan setiap tahun di antara pemilik sijil/orang yang dilindungi dan Syarikat dalam pecahan 40% kepada pemilik sijil/orang yang dilindungi dan 60% kepada Syarikat, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dan/atau tiada manfaat diterima oleh orang yang dilindungi pada tahun sijil semasa.*

\* If the GFTA is in deficit, and after having exhausted from all available avenues, an interest free loan from the Company on Qardh will be taken. The Qardh will be repaid when the GFTA returns to surplus position and before any surplus is distributed.

*Jika GFTA mengalami defisit, dan jika tiada cara lain, pinjaman tanpa faedah daripada Syarikat berdasarkan Qardh akan dibuat. Qardh akan dibayar balik daripada lebihan pada masa akan datang dari GFTA dan sebelum sebarang lebihan diagihkan.*

#### 3. Who is eligible?

##### Siapakah yang layak?

Eligible persons for coverage under this plan are those present and future full-time foreign worker employees of employer, from the age of eighteen (18) to sixty (60), who are actively engaged at their usual work on the date the persons are eligible to join this plan.

Orang yang layak untuk perlindungan di bawah pelan ini adalah kakitangan pekerja asing sepenuh masa kepada majikan pada masa sekarang dan masa hadapan, berumur dari lapan belas (18) tahun sehingga enam puluh (60) tahun, yang terlibat secara aktif dalam tugas pada tarikh orang itu layak untuk menyertai pelan ini.

#### 4. What are the covers / benefits provided?

##### Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

This plan covers the following benefits.

*Pelan ini menyediakan manfaat berikut.*

Item / Butir	Benefits / Manfaat	Amount (RM) / Jumlah (RM)
1 (a)	Daily Hospital Room and Board (Maximum up to 30 days) <i>Bilik Hospital dan Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)</i>	As charged in accordance to charges consistent with Third (3rd) Class Room and Board to a maximum of RM60.00 per day in a non-corporatised Malaysian Government Hospital in conformance to the charges specified under Fees Act 1951, Fees (Medical) Order 1982.  <i>Sebagaimana menurut bayaran yang selaras dengan Bilik dan Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM60 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982.</i>
1 (b)	Intensive Care Unit (Maximum up to 15 days) <i>Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)</i>	
(2)	Hospital Supplies and Services <i>Bekalan dan Khidmat Hospital</i>	
(3)	Operating Theatre <i>Bilik Bedah</i>	
(4)	Surgical Fess (Exclude organ transplantation) <i>Fi Pembedahan (Tidak termasuk transplant organ)</i>	
(5)	Anesthetist Fees <i>Fi Pakar Bius</i>	
(6)	In-Hospital Physician Visits (Maximum up to 30 days) <i>Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)</i>	
(7)	In-Hospital Specialist Consultation Visits (Maximum up to 30 days) <i>Lawatan Pakar Perundingan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)</i>	
(8)	Ambulance Fees/Medical Report Fees <i>Fi Ambulan/Fi Laporan Perubatan</i>	
Maximum Overall Annual Limit (Items 1-8) per covered person <i>Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Butir-butir 1-8) bagi setiap orang yang dilindungi</i>		RM 10,000.00

*The duration of cover is for one year. You need to renew the coverage annually.  
Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan setiap tahun.*

Note: The description on the available cover is only a brief summary for quick and easy reference. The precise terms and conditions that apply are stated in the takaful certificate.

*Catatan: Penerangan di atas adalah makluman ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang tepat yang digunapakai adalah dinyatakan dalam dalam sijil takaful.*

**5. How much contribution do I have to pay?**

***Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?***

- \* The annual contribution is RM 120.00 per covered person inclusive of RM15/- of the Managed Care Organisation (MCO) fee. The renewal contribution is not guaranteed.

*Caruman tahunan adalah sebanyak RM 120.00 setiap orang yang dilindungi termasuk fi Managed Care Organisation (MCO). Caruman pembaharuan tidak terjamin.*

**6. What are the fees and charges that I have to pay?**

***Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?***

- \* Stamp Duty – You have to pay RM 10.00 in addition of the contribution for stamp duty.  
*Duti Setem – Anda perlu membayar sebanyak RM10 sebagai tambahan kepada caruman untuk duti setem.*
- \* Service Tax – Exempted by Kastam Diraja Malaysia provided the contributions are paid by the foreign worker(s).  
*Cukai Perkhidmatan – Dikecualikan oleh Kastam Diraja Malaysia dengan syarat caruman dibayar oleh pekerja asing.*
- \* Commission to Takaful intermediary – 10% of RM105 (annual contribution less the MCO fee) will be deducted for commission.  
*Komisen untuk wakil Takaful – 10% dari RM105 (caruman tahunan dari fi MCO) akan ditolak sebagai komisen.*

**7. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?**

***Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?***

- \* Importance of disclosure - You must disclose all material facts of all the covered persons such as their medical condition, occupation and state their ages correctly.  
*Kepentingan pemberitahuan - Anda mesti memberitahu semua fakta material berkenaan dengan semua orang yang dilindungi seperti keadaan kesihatan, perkerjaan dan menyatakan umur mereka dengan betul.*
- \* Statement Pursuant to Section 28 of Takaful Act 1984 - You are to disclose in the proposal form, fully and faithfully all the facts which you know or ought to know, otherwise the certificate issued may be void.  
*Kenyataan Mengikut Seksyen 28 Akta Takaful 1984 - Anda adalah diminta memberi maklumat secara lengkap dan jujur segala butir-butir yang anda tahu atau patut tahu di atas borang cadangan, jika tidak sijil yang dikeluarkan boleh menjadi tidak sah.*
- \* Geographical Territory - All benefits provided in the certificate are applicable within Malaysia only for twenty-four (24) hours a day. Cover ceases from the time the covered person leaves Malaysia and resumes upon his/her return to Malaysia.  
*Wilayah Geografi - Semua manfaat yang disediakan dalam sijil adalah terpakai di dalam Malaysia sahaja 24 jam sehari. Perlindungan terhenti sebaik sahaja orang yang dilindungi meninggalkan Malaysia dan disambung semula apabila beliau kembali ke Malaysia.*
- \* Limitation of Benefits - All benefits provided in the certificate are only payable in the event the covered person is confined in a non-corporatised Malaysian Government Hospital.  
*Had Manfaat - Semua manfaat yang disediakan dalam sijil hanya akan dibayar jika orang yang dilindungi dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat.*
- \* Grace Period - This is a cash before cover plan. Notwithstanding the cash before cover condition, a Grace Period of fourteen (14) days from its due date will be allowed for payment of each contribution after the first certificate year. During such fourteen (14) days, the Company shall remain liable there under if by the last of such days, the contribution is actually paid. If any contribution is not paid in respect of the takaful certificate after the end of the Grace Period, the certificate shall be terminated accordingly.  
*Tempoh Ihsan - Ini adalah pelan tunai sebelum perlindungan. Meskipun terdapat syarat tunai sebelum perlindungan, Tempoh Ihsan selama empat belas (14) hari dari tarikh perlu dibayar dibenarkan untuk pembayaran sebarang caruman setelah tahun sijil pertama. Dalam tempoh selama empat belas (14) hari tersebut, Syarikat akan kekal bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, caruman telah dibayar. Sekiranya sebarang caruman berkaitan dengan sijil takaful tidak berbayar selepas tamat Tempoh Ihsan, sijil itu akan ditamatkan dengan segera.*

*Note / Nota :*

*The list above is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the full terms and conditions under the certificate.*

*Senarai atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap bagi sijil itu.*

**8. What are the major exclusions under the certificate?**

***Apakah pengecualian utama bagi sijil ini?***

The certificate does not cover any hospitalization, surgery or charges caused by any one (1) of the following occurrences:

*Sijil ini tidak melindungi mana-mana penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang disebabkan oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:*

Plastic/Cosmetic surgery; Dental treatment or oral surgery; Treatment or surgical operation for congenital abnormalities or deformities; Pregnancy or miscarriage; Treatment which is not medically necessary; Suicide or self-inflicted injury while sane or insane; Accidental injuries or illnesses arising from racing or hazardous sports. Cardiovascular diseases and all cancers occurring within the first one hundred and twenty (120) days of coverage of the covered person. Pre-existing illness unless the covered person passes the medical examination as confirmed by FOMEMA Sdn Bhd (FOMEMA) within thirty (30) days from the covered person's arrival to Malaysia.

*Pembedahan plastik/kosmetik; Rawatan pergigian atau pembedahan oral; Rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital; Kehamilan atau keguguran; Rawatan yang tidak diperlukan dari segi perubatan; Bunuh diri atau kecederaan diri sendiri dengan sengaja ketika siuman atau tidak siuman; Kecederaan akibat kemalangan atau sakit yang timbul daripada perlumbaan atau sukan berbahaya; Penyakit kardiovaskular dan semua jenis kanser yang berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan orang yang dilindungi; Penyakit Sedia Ada kecuali sekiranya orang yang dilindungi telah lulus pemeriksaan perubatan sebagaimana disahkan oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari ketibaan orang yang dilindungi di Malaysia.*

*Note / Nota :*

*The list above is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the full terms and conditions under the certificate.*

*Senarai atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap bagi sijil itu.*

**9. Can I cancel my certificate?****Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Yes, you (the certificate owner) may cancel the individual coverage of any one covered person at any time by giving written notice to us. Upon cancellation, you are entitled to a refund of the contribution as per the schedule below, provided that the said covered person has not made a claim during the current certificate year.

*Ya, anda (pemilik sijil) boleh membatalkan perlindungan individu terhadap mana-mana orang yang dilindungi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan tersebut, anda adalah layak untuk pembayaran balik caruman seperti jadual di bawah, dengan syarat orang yang dilindungi tidak pernah membuat tuntutan semasa tahun sijil semasa.*

Period Not Exceeding / Tempoh Tidak Melebihi	Refund of Annual Contribution / Bayaran Balik Caruman Tahunan
15 days / 15 hari	90%
1 month / 1 bulan	80%
2 months / 2 bulan	70%
3 months / 3 bulan	60%
4 months / 4 bulan	50%
5 months / 5 bulan	40%
6 months / 6 bulan	30%
7 months / 7 bulan	25%
8 months / 8 bulan	20%
9 months / 9 bulan	15%
10 months / 10 bulan	10%
11 months / 11 bulan	5%
Period Exceeding 11 months / Tempoh melebihi 11 bulan	No refund / Tiada bayaran balik

**10. What do I need to do if there are changes to my contact details?****Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?**

It is important that you inform us of any change in your organization's contact details to ensure that all correspondence reaches in a timely manner. You can write in / fax us at the address / fax number below.

*Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang ditetapkan. Anda boleh menulis / faks kepada kami atas nombor alamat / faks di bawah.*

**11. Where can I get further information?****Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Should you require additional information about medical and health takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Medical & Health Takaful', available at all our branches or visit [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

*Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan insuranceinfo mengenai 'Medical & Health Takaful', boleh didapati di mana-mana cawangan kami atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)*

If you have any enquiries, please contact us at:

*Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila hubungi kami di:*

**Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646 - K)**

Head Office / Ibu Pejabat : 26th Floor, Annexe Block, Dataran Kewangan Darul Takaful,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur  
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur

Telephone / Telefon : 603-2268 1984  
Fax / Faks : 603-2274 0237  
Website / Laman Sesawang : [takaful-malaysia.com.my](http://takaful-malaysia.com.my)  
Customer Service / Khidmat Pelanggan : 1-300 8 TAKAFUL (825 2385)  
E-mail / E-mel : [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)

**IMPORTANT NOTES:**

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS PLAN WILL BEST SERVE YOUR NEEDS AND THAT THE CONTRIBUTION PAYABLE UNDER THIS PLAN IS AN AMOUNT YOU CAN AFFORD. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND CONTACT THE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

**NOTIS PENTING**

*ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA DAN CARUMAN YANG DIKENAKAN DI BAWAH PELAN INI ADALAH MAMPU DIBAYAR. ANDA HENDAKLAH BACA DAN FAHAM TENTANG SIJIL TAKAFUL TERSEBUT DAN MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.*

The information provided in this disclosure sheet is a brief summary for quick and easy reference. The exact terms and conditions that apply are stated in the takaful contract.

*Keterangan yang terdapat di dalam helaian penerangan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang tepat yang digunakan adalah dinyatakan dalam sijil takaful.*

Syarikat Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Takaful Act 1984 and regulated by Bank Negara Malaysia.

*Syarikat Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 dan telah diselvia oleh Bank Negara Malaysia.*

The information provided in this disclosure sheet is valid as at \_\_\_\_\_.

*Segala maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuatkuasa pada tarikh \_\_\_\_\_.*